

## *Penulisan Karangan Berdasarkan Gambar Bersiri Melalui Pengalaman Pembelajaran Kolaborasi Dalam Portal SLS*

**Muliana Mohammad**


muliana\_mohammad@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Jiemin**

### *Abstrak*

Penulisan karangan merupakan salah satu kemahiran menulis yang penting dan mencabar untuk diajar. Pengajaran karangan perlu dilaksanakan secara bertahap-tahap dan melibatkan murid dalam pembelajaran bagi mencapai matlamat yang diingini. Selain kelemahan bahasa, murid juga menghadapi kesukaran untuk mengembangkan isi penceritaan mereka. Justeru, kajian ini melihat keberkesanan pembelajaran karangan gambar bersiri secara kolaborasi melalui gabungan portal Ruang Pembelajaran Pelajar atau *Student Learning Space* (SLS) dengan alat-alat ICT yang lain. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa aktiviti pembelajaran kolaborasi ini mampu meningkatkan mutu penulisan karangan murid. Data-data yang diperoleh dalam kajian ini juga dapat dijadikan kayu akur untuk melakar aktiviti pengajaran susulan bagi penulisan karangan.

Kata Kunci: karangan, kemahiran menulis, ICT, SLS, kolaborasi, gambar berseri



## PENGENALAN

Sejajar dengan inisiatif Kementerian Pendidikan untuk menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), pengkaji telah merancang dan melaksanakan pengajaran karangan gambar bersiri yang melibatkan murid secara aktif di dalam bilik darjah. Dengan penekanan kepada pembelajaran secara kendiri (*Self-Directed Learning*) & kolaboratif (*Collaborative Learning*), guru perlu menangani perubahan tersebut terhadap PdP Bahasa Melayu. Justeru, pengkaji telah memilih portal SLS sebagai wadah utama untuk kajian ini kerana ia memberikan murid akses kepada bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran digital yang berkualiti.

Dalam proses pembelajaran karangan gambar bersiri, pengkaji telah menerapkan penggunaan beberapa alat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) seperti portal SLS, *Mentimeter*, *Google Docs* dan penulisan kolaboratif. Portal SLS dapat melibatkan murid untuk bekerja secara kolaboratif dalam menjana dan menyampaikan idea-idea mereka dengan berkesan.

Istilah kolaborasi dalam Kamus Dewan (2000) didefinisikan sebagai pelibatan dalam sesuatu hal atau hubungan antara dua atau lebih individu. Cook & Friend (2003) pula mendefinisikan kolaborasi sebagai satu gaya perhubungan secara langsung antara dua kumpulan yang bersetuju membuat keputusan untuk mencapai matlamat yang sama.

Dalam portal SLS, terdapat 4 jenis pengalaman pembelajaran yang tersedia iaitu Pemerolehan, Perbincangan, Inkuiri dan Kolaborasi. Pengkaji telah menumpukan kepada jenis pengalaman pembelajaran berbentuk kolaborasi untuk kajian pembelajaran karangan gambar bersiri. Di sini, murid akan belajar untuk merancang dan menetapkan matlamat kumpulan, melalui proses penjanaan idea, perbincangan, serta mendapatkan persetujuan dalam kalangan ahli kumpulan. Setiap ahli kumpulan membina bersama pengetahuan baharu yang menyumbang ke arah pemahaman dan persetujuan secara kolektif.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pencapaian murid dalam penulisan karangan gambar bersiri sering menjadi keprihatinan guru. Murid secara amnya didapati menghadapi kesukaran untuk mengembangkan jalan cerita dan pemilihan kosa kata juga terhad. Berdasarkan keputusan ujian diagnostik, untuk bahagian isi, 41.7% murid berada di tahap sederhana, 54.2% murid berada di tahap baik dan 4.2% murid berada di tahap kepujian. Bagi bahagian bahasa, 20.8% murid berada di tahap sederhana, 75% murid berada di tahap baik dan 4.2% murid berada di tahap kepujian.

Dapatkan ini kurang memberangsangkan dan menunjukkan bahawa pengajaran karangan perlu dipertingkat. Tinjauan pengkaji menunjukkan murid lebih selesa melakukan aktiviti penulisan karangan secara berkumpulan dan lazimnya, prestasi mereka lebih baik selepas perbincangan bersama. Namun, keterbatasannya pula ialah murid perlu membuat pelbagai rujukan dengan bahan-bahan maujud dan mengambil masa yang lama untuk membuat pemilihan kosa kata mahupun frasa. Ini ditambah pula dengan hasil kerja berkumpulan yang tidak dapat dirujuk atau dibawa pulang oleh setiap murid.

Oleh yang demikian, pengkaji mengintergrasi ICT dalam pembelajaran karangan gambar bersiri. Pengkaji juga memilih aspek kolaborasi bagi mempertingkat mutu karangan murid untuk mengatasi hambatan-hambatan yang mereka hadapi semasa bekerja dalam kumpulan.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk:

1. meningkatkan keupayaan murid menulis karangan gambar bersiri;
2. meninjau keberkesanan pembelajaran kolaborasi melalui portal SLS dan alat-alat ICT untuk meningkatkan mutu kemahiran menulis murid; dan
3. melihat pencapaian murid dalam kemahiran menulis karangan gambar bersiri dari aspek isi dan bahasa.



## **KAJIAN LEPAS**

Menurut Ellis (2001), kolaborasi dalam talian memiliki beberapa aspek positif iaitu pertama, dapat mengakses pengetahuan orang lain. Kedua, membolehkan orang lain memberikan maklum balas. Ketiga, mengakses teknologi pada bila-bila masa. Keempat, memberi peluang untuk bertukar-tukar maklumat dan membuat renungan.

Ini disokong oleh Johnson & Johnson (1989) yang mana dapatan kajian mereka membuktikan bahawa pembelajaran paling berkesan berlaku apabila murid dapat berkolaborasi, mengekspresi pandangan, berbincang dan mencabar idea-idea orang lain, serta bekerjasama ke arah satu solusi.

Kajian Brindley, Walti, & Blaschke, (2009) juga mendapati bahawa pembelajaran secara berkumpulan membantu murid untuk memperoleh kemahiran berfikir secara kritikal, kemahiran membuat renungan diri, dan membina pengetahuan. Dalam pembelajaran secara kolaboratif dan berpasangan, Lev Vygotsky (1962), menegaskan bahawa manusia membentuk pengetahuan dan pemahaman sendiri tentang keadaan di sekelilingnya dengan membuat refleksi melalui pengalaman yang diraihnya.

Mengenai penggunaan ICT dalam pembelajaran di dalam kelas pula, terdapat tiga aspek penting menurut kajian yang dijalankan oleh Sutch (2009), iaitu pertama, murid dapat menggunakan pengalaman menggunakan ICT dalam kehidupan seharian. Kedua, penggunaan ICT dapat membantu murid membina pengetahuan baharu. Ketiga, penggunaan ICT di dalam kelas membolehkan murid dan guru untuk belajar secara kolaboratif menerusi aktiviti perbincangan di dalam kelas.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian yang telah dijalankan ini berbentuk eksperimental. Kajian ini merupakan hasil tinjauan dan pengamatan guru di dalam kelas. Kajian ini gabungan secara kuantitatif dan kualitatif. Selain meneliti hasil kerja murid, pemantauan guru terhadap respons murid Darjah 6 turut diambil kira. Dalam

kajian ini, pengalaman pembelajaran berbentuk kolaborasi telah dipilih.

Berikut adalah ringkasan penerapan Amalan Pengajaran Singapura (STP) sebagai rujukan untuk kajian ini.

**Jadual 1: Amalan Pengajaran Singapura**

<b>Proses Pengajaran</b>	<b>Aspek Pengajaran</b>	<b>Aktiviti Mengajar</b>
Pelaksanaan Pelajaran	AP14: Merangsang Minat	AM 1: Menggunakan Cerita dan Imejan Penggunaan Video: <ol style="list-style-type: none"><li>1. Menonton video di portal SLS dan murid berkongsi pandangan mereka mengenai video.</li><li>2. Murid menaip respons secara individu.</li><li>3. Guru menjadi fasilitator dalam perbincangan di bilik darjah.</li></ol>
Pelaksanaan Pelajaran	AP19: Memudah Cara Pembelajaran Kolaboratif	AM 5: Mencari Informasi <ol style="list-style-type: none"><li>1. Memilih kosa kata, frasa dan kemudiannya membina perenggan pendek.</li><li>2. Nyatakan dengan ringkas apa yang murid harus capai pada akhir tugas.</li><li>3. Terangkan langkah-langkah yang murid harus ambil untuk menyelesaikan tugas.</li><li>4. Murid kenal pasti sumber dalam talian.</li><li>5. Sediakan rubrik penilaian.</li><li>6. Murid membuat refleksi tentang apa yang telah mereka pelajari dan laksanakan.</li></ol>



## **Subjek Kajian**

Subjek kajian terdiri daripada 24 orang murid Darjah 6 di kelas Bahasa Melayu. Mereka terdiri daripada pelbagai kebolehan iaitu melebihi aras kebolehan, pada aras kebolehan dan praaras kebolehan. Semua murid berbangsa Melayu. Murid ini dikumpulkan dalam enam kumpulan yang terdiri daripada empat orang ahli. Pembentukan dan pemilihan ahli kumpulan ini dilakukan berdasarkan jantina dan motivasi untuk belajar. Guru memastikan setiap kumpulan memiliki ahli kumpulan yang mempunyai pelbagai keupayaan dan kecekapan dalam berbahasa.

Semasa kajian ini dijalankan, murid sudah memiliki pengetahuan sedia ada dalam pembelajaran karangan seperti memahami struktur dan susunan plot yang merangkumi permulaan, perkembangan, permasalahan, klimaks dan penyelesaian. Murid juga telah didedahkan kepada portal SLS dan alat-alat ICT seperti *Mentimeter*, *Google Docs* dan portal iMTL.

## **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Respons-respons murid secara lisan mahupun tulisan.
2. Rakaman audio dan hasil perbincangan murid dalam talian.
3. Markah karangan murid dalam praujian dan pascaujian.

## **Prosedur Kajian**

Murid telah menjalani praujian tentang gambar bersiri secara bertulis sebelum intervensi dilakukan oleh guru. Gambar tersebut bertemakan ‘Tersalah Ambil’. Kriteria kejayaan juga telah ditetapkan oleh guru (Jadual 2).

## Jadual 2: Kriteria Kejayaan

<b>KRITERIA KEJAYAAN</b>
<b>Saya dapat ...</b>
• menyenaraikan sekurang-kurangnya lapan kosa kata dan frasa
• membina beberapa perenggan cerita
• menghasilkan karangan berdasarkan gambar bersiri yang lengkap
• bekerjasama dan saling menghormati


Prestasi murid dari segi isi dan bahasa untuk praujian dan pascaujian telah dicatat dan diambil kira untuk perbandingan. Matlamat intervensi yang dilakukan ini diharap dapat menjawab soalan-soalan seperti berikut:

- Adakah kaedah kolaborasi berupaya meningkatkan kemahiran murid menulis karangan berperenggan?
- Adakah murid terangsang untuk berkolaborasi melalui wadah ICT?


Pengajaran karangan memerlukan beberapa langkah. Secara keseluruhan, kajian ini telah dijalankan dalam tempoh anggaran 8 hingga 10 waktu pengajaran (30 minit setiap waktu). Setiap pengajaran ini perlu dilakukan untuk memastikan prosesnya lengkap. Keseluruhan pengajaran dibahagikan kepada lima pengajaran seperti berikut:

1. Menjana kosa kata dan frasa.
2. Menghasilkan perenggan berdasarkan gambar tunggal (versi 1) dan penyemakan rakan sebaya.
3. Membetulkan karangan berperenggan (versi 2).
4. Penghasilan karangan lengkap secara berkumpulan.
5. Penyemakan dan maklum balas guru.


Perancangan pengajaran karangan ini disusun dalam Peta Reka Bentuk seperti yang terdapat dalam Rajah 1.



## Rajah 1: Peta Reka Bentuk (Bahagian 1)



## Rajah 2: Peta Reka Bentuk (Bahagian 2)



Bagi tugasan ini, setiap kumpulan telah memilih salah satu gambar bersiri untuk perbincangan bersama. Berikut merupakan penerangan lanjut tentang pengajaran utama yang dilakukan oleh guru:

Pengajaran pertama:

### Menjana Kosa Kata dan Frasa

Dalam pengajaran ini, murid dikehendaki menjana kosa kata dan frasa yang sesuai dengan gambar tunggal yang dipilih. Aktiviti ini dilakukan secara individu oleh setiap murid melalui *Google Docs*. Dalam proses mencari kosa kata dan frasa, murid membuat anotasi sendiri pada gambar tunggal tersebut di dalam SLS. Murid dibenarkan untuk mencari maklumat tambahan melalui enjin carian seperti Kamus Dewan *online*, frasa-frasa menarik, dan sebagainya.

Guru memantau perkembangan murid semasa melakukan tugas dan memberi maklum balas tentang kesesuaian kosa kata dan frasa-frasa yang diberikan oleh murid.

Pengajaran kedua:

### Menghasilkan Perenggan Gambar Tunggal (versi 1) & Penyemakan Rakan

Murid perlu menghasilkan perenggan tentang gambar tunggal secara berkumpulan. Di bahagian ini, setiap murid telah diberi peranan yang berbeza. Murid perlu merujuk senarai kosa kata dan frasa yang telah mereka pilih untuk disertakan di dalam karangan gambar tunggal mereka. Selepas itu, hasil kerja kumpulan itu disemak oleh ahli kumpulan lain. Guru juga terlibat dengan memberi maklum balas kepada setiap kumpulan.

Pengajaran ketiga:

### Menghasilkan Perenggan Gambar Tunggal (versi 2)

Setiap kumpulan perlu membaca maklum balas yang diberikan oleh guru dan ahli kumpulan lain sebelum menghasilkan karangan berperenggan versi kedua iaitu versi yang telah diperbaik.



Pengajaran keempat:

#### Menghasilkan Karangan Lengkap

Secara berkumpulan, murid harus menghasilkan karangan yang lengkap. Murid boleh merujuk kosa kata dan frasa hasil kerja kumpulan lain sebagai panduan. Namun, mereka tidak dibenarkan mengambil bulat-bulat karangan berperenggan kumpulan lain. Untuk bahagian ini, murid menggunakan alat penulisan kolaboratif portal iMTL. Setiap ahli harus berperanan dalam menghasilkan karangan tersebut.

Pengajaran kelima:

#### Penyemakan dan Maklum Balas Guru

Setelah karangan berkumpulan dilengkapi, guru menyemak karangan berkumpulan sambil memberikan maklum balas kepada setiap kumpulan.

Pascaujian menulis karangan gambar bersiri kemudiannya dijalankan pada hari yang berbeza secara dalam talian.

### **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Daripada pemerhatian guru, setiap murid didapati berupaya menyumbang idea sama ada secara individu maupun dalam kumpulan. Mereka kelihatan lebih cenderung melakukan aktiviti penulisan karangan melalui ICT.

Berikut ialah contoh respons murid untuk aktiviti-aktiviti kolaborasi yang dilakukan:

### Rajah 3: Contoh Respons Murid

Kumpulan Gambar: 2  
Nama ahli Kumpulan: Jannah, Nurulina, Sarah, Farizul  
Senaraikan perkara-perkara di bawah ini.

Kosa Kata	Frasa-frasa
-perasan	-stuk bersenang bersamaan nakan
-menyimpang	-tidak sabar hendak bersenang
-bersenang	-meletakkan beg di atas bangku
-lewa	-mengeluarkan tulisa
-lat	-meletakkan tulisa di atas bangku
-bangku	-titi macam kakak
-bersejut-sejut	-corak beg yang sama
-bersenam	-tidak sedar
-airas	-mengelap manik-manik pulih
-dompet	-menyimpang dompet dan botol air
-sadar	-da terlalu gembara, gembara aksan
-menyerang	-mengepak bilik tersenyum
-menghiraukan	-senaman memanaskan badan
-corak	
-asauh	

Karangan Gambar 3 (versi 1)

Selaras meminjam dan John meletakkan beg mereka di atas bangku. Imran mengeluarkan sehalai tulsa untuk mengelap manik-manik pulihnya sebuah bekas senaman. "Soalan keduanya yang diberikan oleh guru kami tadi sangat susah," merengkuk Imran. Soalan keduanya yang diberikan oleh guru kami tadi sangat susah," merengkuk Imran. "Soalan keduanya yang diberikan oleh guru kami tadi sangat susah," merengkuk Imran. "Soalan keduanya yang diberikan oleh guru kami tadi sangat susah," merengkuk Imran.

Imran tidak sedar bahawa begnya sama corak seperti beg yang ada di sebelahnya. Tanpa membungkus masa, mereka pun muat membuat senaman memanaskan badan tanpa menghiraukan beg itu.

avengerasse... responde 12:19 PM Sep 9  
Adakah dia sudah selesai bersenam atau pun belum?

bangtanpritiw... responde 12:27 PM Sep 9  
renguk Imran.

avengerasse... responde 12:16 PM Sep 9  
sebuah perkataan harus ditambah

Kurungan Maklumat

1 Entah bagaimana dia tahu mengelupas tulsa.  
aku sauh dan lewa mengelupas tulsa dengan sengit dan berteriak.  
Jadi dia bukanlah orang yang baik. Tapi dia bukanlah orang yang buruk dan tak.

2 Lepas mengelupas tulsa dia merasa.  
perasaan yang tidak nyaman dalam dirinya. Walau kelelahan perasaan ini begitu sangat.  
Tetapi dia masih tetap bersemangat kerana dia suka mengelupas tulsa. Begitulah dia yang selalu mencari peluang untuk mengelupas tulsa.

3 Mungkin dia juga merasa senang.  
Perasaan senang ini mungkin dia dapatkan apabila dia mengelupas tulsa.  
Sebenarnya dia juga merasa malu, walaupun senang dia masih merasa malu.

4 Dia merasa senang kerana dia boleh mengelupas tulsa.  
Tetapi dia juga merasa malu kerana dia merasa dia tidak boleh mengelupas tulsa.

5 Begitu dia merasa malu, walaupun senang dia masih merasa malu.  
Tetapi dia juga merasa senang kerana dia boleh mengelupas tulsa.

6 Begitu dia merasa senang kerana dia boleh mengelupas tulsa.

Karangan Gambar 3 (versi 2)

Selepas Imran dan John meletakkan beg mereka di atas bangku, Imran mengeluarkan sehalai tulsa untuk mengelap manik-manik pulihnya. Sebelum mereka bermula, Imran menyimpang barang-barang yang tidak diperlukan seperti botol air dan dompetnya ke dalam begnya. Imran menyimpang sambil bersenang bersama John tentang soalan-soalan yang diberikan oleh guru mereka di kelas tadi.


"Soalan keduanya yang diberikan oleh guru kami tadi sangat susah ya," runguk Imran.

John mengangguk tanda setuju dan sambung melayan Imran. Pada waktu itu, Imran tidak perasan bahawa begnya sama corak seperti beg yang ada di sebelahnya. Tanpa membungkus masa, mereka pun muat membuat senaman untuk memanaskan badan tanpa menghiraukan beg itu.

Hasil daripada respons yang diberikan oleh murid, pengkaji merumuskan bahawa murid menunjukkan kecenderungan dan motivasi yang tinggi dalam pembelajaran karangan. Mereka dapat mengakses maklumat di hujung jari mereka dengan mudah dan pantas. Ini mempercepatkan dan melancarkan proses penulisan contohnya dalam pencarian makna. Secara umum, kelakonan murid menunjukkan peningkatan yang positif. Ini dapat dilihat dalam keputusan pencapaian seperti di dalam Jadual 3.

### Jadual 3: Keputusan Pencapaian Praujian & Pascaujian

	ISI (20 markah)			BAHASA (20 markah)		
	Kepujian / Cemerlang (17-20)	Baik (13-16)	Sederhana (12-10)	Kepujian / Cemerlang (17-20)	Baik (13-16)	Sederhana (12-10)
Diagnostik (24 murid)	1	13	10	1	18	5
Pascaujian (24 murid)	10	14	0	8	16	0



Setelah kajian ini dijalankan, analisis kuantitatif keputusan karangan berdasarkan gambar bersiri telah dilakukan. Markah ujian diagnostik telah dibandingkan dengan markah pascaujian. Analisis ini melibatkan 24 orang pelajar Darjah 6. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan 37.5% murid yang berada dalam jalur cemerlang dari segi isi dan 29.2% dari segi bahasa. 58.3% telah menunjukkan peningkatan markah dari jalur sederhana kepada jalur baik dari aspek isi. Bagi aspek bahasa pula, terdapat peningkatan 66.7% murid yang beralih dari jalur sederhana kepada jalur baik. Sila rujuk Jadual 3.

Murid mampu menggunakan kosa kata dan frasa-frasa yang lebih baik. Mereka juga mampu mengembangkan isi karangan mereka. Semua ini berlaku disebabkan oleh aktiviti kolaborasi yang dijalankan. Selain itu, mereka juga belajar untuk memberikan cadangan atau pandangan serta bekerjasama dengan ahli kumpulan. Memandangkan aktiviti ini dilakukan menggunakan ICT, murid boleh mengakses dan merujuk karangan mereka dan rakan-rakan dari kumpulan lain dengan mudah dan pada bila-bila masa.

## KESIMPULAN

Aktiviti kolaborasi melalui portal SLS banyak membantu murid dalam penghasilan karangan yang berpusatkan kemahiran literasi digital dan berinteraksi. Rumusan yang dicapai ialah aktiviti-aktiviti kolaborasi yang digunakan berkesan utnuk membantu murid menjana idea dan kosa kata serta frasa. Berdasarkan maklum balas murid, 100% murid bersetuju bahawa pembelajaran karangan gambar bersiri secara kolaborasi amat menarik, dapat merangsang minda dan membantu untuk meningkatkan mutu karangan mereka. Namun begitu, pengajaran ini masih boleh diperbaik lagi.

Bagi pengajaran seterusnya, pengkaji akan terus memperhalusi prosedur pengajaran dan pembelajaran dengan harapan dapat membimbing murid pelbagai keupayaan ke arah kecemerlangan. Kolaborasi ini bukan sahaja akan menjadi penentu kepada kejayaan intervensi, tetapi juga akan memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran murid dalam abad ke-21 ini.

## **RUJUKAN**

- Ellis, A. (2001). Student-centred collaborative learning via face-to-face and asynchronous online communication: What's the difference? In Proceedings of the 18th Annual Conference of the Australian Society for Computers in Learning in Tertiary Education (pp. 169-177), Melbourne, Australia.
- Friend,M.,&Cook,L. (2003). *Interactions: Collaboration skills for school professionals* (4<sup>th</sup> ed.). White Plains, NY: Longman. (Instructor's manual by W. Murawski, S.Kurtts, L.Cook, & M. Friend): PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Johnson, D.W., & Johnson, R.T. (1989). Cooperation and competition: Theory and research. Edina, MN: Interaction Book Company.
- KamusDewan. (5th ed.). (1991). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malay Language Teaching & Learning Syllabus Primary One to Six (2015  
Retrieved from <https://www.moe.gov.sg/docs/default-source/document/education/syllabuses/mother-tongue-languages/files/malay-primary-2015.pdf>

